

## **ANALISIS SEMANTIK PERKATAAN MA'WA BERDASARKAN WACANA NERAKA DALAM AL-QURAN**

Oleh:

Aziyun binti Othman @ Omar<sup>1</sup> Universiti Malaya, Kuala Lumpur,  
0192635844, aziyun@siswa.um.edu.my

Mat Taib bin Pa<sup>2</sup> Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 0192202728  
mattaib@um.edu.my

Syakirah binti Rifa'in@Mohd Rifain<sup>3</sup> Universiti Malaya, Kuala  
Lumpur, 0193879096 syakirah87@um.edu.my

Corresponding Author: email: aziyun@siswa.um.edu.my

### **Abstrak**

*Perkataan 'ma'wa' digunakan dalam al-Quran digunakan lebih kerap dalam wacana neraka berbanding syurga. Ini menimbulkan persoalan tentang makna sebenar perkataan tersebut dan mengapa ia lebih ditekankan dalam konteks neraka berbanding syurga. Kajian ini bertujuan mengkaji makna perkataan ma'wa dan penggunaannya berdasarkan wacana neraka dalam al-Quran. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan metodologi analisis wacana dibantu oleh*

---

<sup>1</sup> Calon Ijazah Doktor Falsafah Bahasa Arab, Jabatan Pengajian Bahasa Arab dan Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

*korpus al-Quran. Kajian mendapati bahawa makna ma'wa ialah tempat yang memberi kerehatan setelah berpenat-lelah atau tempat yang memberi keamanan atau perlindungan daripada ketakutan. Walau bagaimana pun, penggunaan perkataan ma'wa dalam konteks wacana neraka memberi konotasi yang berbeza daripada makna asalnya. Kesimpulannya, penggunaan perkataan ma'wa dalam wacana neraka yang kontra dengan makna sebenar ini merupakan sindiran yang tajam daripada Allah Taala kepada golongan yang memilih neraka sebagai tempat kembali. Hasil kajian ini menegaskan lagi kepentingan mendalami makna perkataan dalam al-Quran dan penggunaannya dalam konteks ayat dan tidak sekadar bergantung kepada makna daripada terjemahan al-Quran.*

**Kata Kunci:** *ma'wa, wacana neraka, semantik, al-Quran*

## 1.0 PENDAHULUAN

Bahasa Arab ialah bahasa yang kaya dengan kosa kata sehingga dikatakan jumlah perkataannya mencapai 12 juta<sup>4</sup>. Selain disebabkan faktor derivasi perkataan (*isytiqaq*), kewujudan perkataan yang hampir sinonim dan ketelitian dalam mencirikan sesuatu menyumbang kepada kekayaan kosa kata bahasa Arab. Sebagai contoh, sarjana bahasa Arab telah merekodkan 70 perkataan merujuk kepada batu, 50 perkataan bagi pedang dan 70 perkataan merujuk kepada anjing.<sup>5</sup>

<sup>4</sup> Syawqi Hamadat (2000), *Mu'jam 'Aja'ib al-Lughat*, Beirut: Dar Sadir, h.83

<sup>5</sup> al-Munajjid, Muhammad Nur al-Din (1997), *al-Taraduf fi al-Quran al-Karim*, Damsyik: Dar al-Fikr, h.36

Ciri-ciri ini menjadi antara sebab bahasa Arab dipilih sebagai bahasa al-Quran. Setiap perkataan dalam al-Quran dipilih berdasarkan hikmah ilahiyah untuk memberi makna tertentu mengikut konteks yang dikehendaki dan tidak boleh ditukar ganti dengan perkataan lain. Fenomena ini merupakan salah satu bentuk 'ijaz al-Quran dari sudut bahasa.<sup>6</sup>

## 2.0 SEMANTIK DAN AL-QURAN

Semantik adalah satu cabang daripada ilmu linguistik yang membincangkan tentang makna perkataan dalam satu-satu bahasa.<sup>7</sup> Perbincangan tentang makna perkataan pula bergantung kepada jenis makna yang dibincangkan. Terdapat pelbagai jenis makna bergantung kepada sudut pandang yang diambil.

Dari sudut ketepatan makna, terdapat 10 jenis makna iaitu makna leksikal, gramatikal, kontekstual, denotatif, konotatif, konseptual, asosiatif, makna kata, makna istilah dan idiomatik.<sup>8</sup> Ahmad Mukhtar pula membahagikan jenis makna kepada lima berdasarkan *al-dal wa al-madlul* sesuatu perkataan.<sup>9</sup> Kelima-lima jenis makna menurut beliau ialah makna

---

<sup>6</sup> Ibid, h.254-255

<sup>7</sup> Dewi Umi Hanifah (2023), *Pentingnya Memahami Makna, Jenis-jenis Makna dan Perubahannya*, Surakarta: Ihtimam Jurnal Pendidikan Bahasa Arab 6 (1), h.158

<sup>8</sup> Ibid, h.162-164

<sup>9</sup> Ahmad Mukhtar 'Umar (1998), *Ilm al-Dilalat*, Kaherah: 'Alim al-Kutub, h. 36-41

asasi, makna sampingan, makna sosial, makna psikologi dan makna isyarat.

Walau bagaimanapun, penulis berpendapat, pembahagian jenis makna yang diberikan ini merupakan perkembangan daripada jenis makna yang diberikan pada awal kemunculan ilmu berkaitan makna. Sebagai contoh al-Amidiyy dan al-Jurjaniyy mengkategorikan makna kepada dua iaitu makna asli dan makna sampingan.<sup>10</sup> Makna asli atau juga dikenali sebagai makna leksikal, denotatif atau makna asasi ialah makna hakiki atau asal makna perkataan tersebut secara sendiri tanpa melihat konteks penggunaannya. Kesimpulannya, makna asli ini ialah makna yang diberi oleh kamus manakala makna sampingan ialah makna-makna lain yang berubah daripada makna asal disebabkan faktor-faktor tertentu. Makna sampingan inilah yang kemudiannya dikembangkan lagi pengkategorianya seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

Perubahan makna sesuatu perkataan daripada makna asli berlaku dalam lapan keadaan. Sesuatu makna perkataan boleh berlaku peluasan, penyempitan, peninggian, penurunan, pertukaran tanggapan, perpindahan makna, penghalusan dan pengkasaran.<sup>11</sup> Faktor-faktor yang mendorong

---

<sup>10</sup> Mat Taib Pa (2012), *Pemilihan Perkataan dan Struktur Morfologi dalam Surah al-Fatihah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h.39-40

<sup>11</sup> Dewi Umi Hanifah dll (2023), *Pentingnya Memahami Makna, Jenis-jenis Makna dan Perubahannya*, Surakarta: Ihtimam Jurnal Pendidikan Bahasa Arab 6 (1), h.166-168

perubahan makna disebabkan perkembangan ilmu dan teknologi, penggunaan, sosial budaya, asosiasi, pertukaran dan perbezaan tanggapan.<sup>12</sup>

Ilmu makna atau semantik ini penting untuk membantu seseorang memahami al-Quran. Ini kerana, makna sesuatu kalimah dalam al-Quran tidak boleh difahami secara literal dengan mengetahui makna leksikalnya sahaja. Makna leksikal kalimah tersebut mesti dihubungkan dengan maknanya secara kontekstual dan wacana secara keseluruhan supaya kehendak disebalik nas tersebut dapat difahami dengan tepat.<sup>13</sup>

Terdapat inovasi semantik yang mengkategorikan makna berdasarkan makna kontekstual kepada tujuh. Kategori makna tersebut ialah pengkhususan, implikasi, metafora, metonim, kebalikan atau ironi, makna pengurangan dan hiperbola. Makna yang didapati digunakan dalam al-Quran ialah pengkhususan, implikasi, metafora, metonim dan kebalikan atau ironi.<sup>14</sup>

---

<sup>12</sup> Ibid, h.170

<sup>13</sup> Habannakah, 'Abd al-Rahman (1980), *Qawa'id al-Tadabbur al-Amthal Li Kitab Allah 'Azza wa Jalla Ta'ammulat*, Damsyik: Dar al-Qalam, h.30-31

<sup>14</sup> Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad dll (2023), *Klasifikasi Semantik dan Jenis Permasalahan dalam Penterjemahan Eufemisme al-Quran ke Bahasa Melayu*, The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)(10.1), h.1&4.

Kajian-kajian lepas yang mengkaji makna perkataan dalam al-Quran membuktikan bahawa analisis semantik yang dibuat secara menyeluruh membantu memahami makna dengan lebih mendalam. Sebagai contoh, kajian Uhlusul mendapati perbezaan makna *'abid* dan *'ibad* dalam al-Quran walaupun kedua-dua perkataan berasal daripada kata akar yang sama. Kedua-dua perkataan tersebut mengandungi makna leksikal yang sama iaitu hamba. Namun *'abid* mengandungi konotasi yang negatif apabila digunakan dalam al-Quran dalam konteks yang merujuk kepada orang kafir dengan ciri-ciri sentiasa berbuat maksiat dan bergelumang dengan dosa. Manakala perkataan *'ibad* sebagai kata jamak kepada *'abid* membawa konotasi positif apabila dirujuk kepada hamba yang sentiasa taat dan beribadah kepada Allah Taala.<sup>15</sup>

Kajian semantik juga dijalankan bagi mengkaji kesan makna kepada terjemahan al-Quran. Nasimah mendapati perkataan yang mengandungi makna *majaz mursal* diterjemah secara literal dan tidak menepati makna sebenar yang hendak disampaikan oleh al-Quran.<sup>16</sup> Dapatan beliau ini disokong dengan kajian Muhammad Luqman yang mendapati terjemahan secara literal bagi perkataan atau frasa eufemisme

---

<sup>15</sup> Uhlusul Qomariyah & Moh. Jufriyadi Sholeh (2023), *Analisis Semantik Kata 'Abid Dan 'Ibad Dalam Al-Qur'an*, Sumenep: El-Waroqoh Jurnal Ushuluddin dan Filsafat (7.2), h.237

<sup>16</sup> Nasimah Abdullah dll (2021) *Masalah Semantik dalam terjemahan Majāz Mursal al-Quran: analisis terhadap hubungan Musabbab*, Bangi: Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary (6.1), h.509

iaitu yang mengandungi makna yang lembut dan halus disebabkan unsur figuratif menghilangkan makna yang dikehendaki. Beliau menyarankan penterjemah meneliti dan memilih terminologi yang lebih menepati peraturan berbahasa masyarakat supaya hasil terjemahan dapat menyampaikan makna sebenar nas al-Quran.<sup>17</sup>

### 3.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan korpus al-Quran didapati perkataan *ma'wa* digunakan dalam kedua-dua konteks syurga dan neraka. Namun, penggunaannya dalam konteks neraka adalah lebih kerap berbanding dengan syurga.<sup>18</sup> Fenomena ini menimbulkan persoalan tentang makna sebenar *ma'wa* dan sebab perkataan tersebut lebih digunakan dalam konteks neraka berbanding syurga. Terjemahan makna *ma'wa* diberikan oleh terjemahan al-Quran sebagai tempat kembali, tempat kediaman atau tempat<sup>19</sup> didapati sangat umum tidak menjawab persoalan ini.

Tambahan pula kajian tentang semantik perkataan yang digunakan dalam wacana neraka al-Quran kurang mendapat perhatian. Ini kerana pengkaji lebih menumpukan kepada wacana yang mempunyai pencitraan bagi menonjolkan gambaran seksaan dan keadaan penghuni di

---

<sup>17</sup>Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad dll (2023), *Klasifikasi Semantik dan Jenis Permasalahan dalam Penterjemahan Eufemisme al-Quran ke Bahasa Melayu*, The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)(10.1), h.11-12

<sup>18</sup> <https://corpus.quran.com/qurandictionary.jsp?q=Awy>

<sup>19</sup><https://tanzil.net/#3:151>, <https://tanzil.net/#17:97>, <https://tanzil.net/#66:9>

neraka.<sup>20</sup> Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji makna perkataan *ma'wa* dan penggunaannya dalam konteks wacana neraka dalam al-Quran.

#### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam bidang analisis wacana yang melibatkan data tekstual. Data tekstual yang terlibat ialah wacana neraka dalam al-Quran yang mengandungi perkataan *ma'wa*. Oleh sebab kajian ini berfokus kepada perkataan *ma'wa* sahaja, maka carian terus dibuat menggunakan korpus al-Quran. Dalam langkah ini, korpus al-Quran daripada <http://corpus.quran.com/> digunakan untuk mengenal pasti kedudukan ayat yang mengandungi semua perkataan *ma'wa* tersebut.

Korpus al-Quran ini dibangunkan oleh University of Leeds bertujuan mewujudkan sumber linguistik secara dalam talian yang mengandungi 77430 perkataan al-Quran. Sumber ini membantu para pengkaji membuat analisis yang lebih mendalam tentang al-Quran dari pelbagai sudut seperti sintaksis dan morfologi<sup>21</sup>.


Rajah 1 menerangkan kaedah penggunaan korpus al-Quran bagi mengenal pasti kedudukan ayat yang mengandungi perkataan *ma'wa*:

---

<sup>20</sup> Sayyid Qutb (2002), *Masyahid Yawm al-Qiyamat*, Kaherah: Dar al-Syuruq, h.10


<sup>21</sup> Dukes, Kais (2013), *Statistical parsing by machine learning from a classical Arabic treebank*, University of Leeds: School Of Computing, h.142-143, Dukes, Kais, Eric Atwell, and Nizar Habash (2013), *Supervised collaboration for syntactic annotation of Quranic Arabic*. Language resources and evaluation 47, h.25-27





Rajah 1: Pencarian perkataan *ma'wa* menggunakan korpus al-Quran

Perkataan *ma'wa* dicari menggunakan kata akarnya iaitu *a-wa-ya* dalam korpus al-Quran sebagai kata kunci. Perkataan *ma'wa* ditemui dalam kategori *noun* (kata nama) seperti yang ditunjukkan dalam rajah 2 berikut:



Rajah 2: Perkataan *ma'wa* dalam kategori kata nama

Hasil carian menunjukkan nombor surah dan ayat yang membantu proses pengumpulan data. Proses saringan berlaku apabila ayat-ayat yang mengandungi perkataan *ma'wa* selain daripada konteks neraka digugurkan kerana tidak berkaitan dengan fokus kajian.

Oleh sebab kajian ini merupakan kajian analisis wacana, *al-Tafsir al-Munir* dirujuk untuk menentukan potongan ayat yang membentuk set wacana al-Quran tentang neraka yang mengandungi perkataan *ma'wa*. Bagi menentukan set wacana tersebut, *al-Tafsir al-Munir* dirujuk kerana ayat al-Quran ditafsirkan secara kelompok berdasarkan potongan yang dibuat oleh al-Zuhayli dan setiap kelompok tersebut mempunyai tema.<sup>22</sup> Menurut Safiyyat Darraji, *al-Tafsir al-Munir* merupakan tafsir utama yang menepati disiplin ilmu analisis wacana dalam linguistik moden.<sup>23</sup> Pembahagian surah kepada struktur-struktur kecil menonjolkan kohesi dan koheren antara kelompok wacana kecil dengan wacana umum secara menyeluruh.

Setelah data dikumpulkan, kamus bahasa Arab dan tafsir al-Quran dirujuk bagi mendapatkan makna *ma'wa* dari sudut pandang sarjana

---

<sup>22</sup> Mansur Abu Zaynat, (2013), *al-Tafsir al-Munir li al-Zuhayli- Dirasat wa Taqwim*, Majallat Jami'at al-Najah li al-Abhath al-Insaniyyat, h.2049

<sup>23</sup> Safiyyat Darrajiy, (2016). *Talaqqi al-Khitab al-Qur'aniyy fi Daw' 'Ilm al-Lughat al-Nass Juz' Tabaraka wa Juz' 'Amma 'Anmuzajan*. Algeria:Jami'at Muhammad al-Amin Dabaghin - Setif 2, h.77

Bahasa dan sarjana Tafsir. Kemudian, perkataan tersebut dikaji dari sudut penggunaannya dalam konteks wacana neraka untuk melihat hubungan makna asal perkataan dengan konteks.

## 5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan carian di [corpus.quran.com](http://corpus.quran.com), perkataan *ma'wa* digunakan sebanyak 22 kali dalam al-Quran.<sup>24</sup> Tiga daripada penggunaan tersebut merujuk kepada syurga manakala 19 ayat lagi digunakan dalam konteks neraka.

## 6.0 MA'WA DARI SUDUT PANDANG SARJANA BAHASA

Perkataan *ma'wa* merupakan *ism makan* (kata nama tempat) daripada kata kerja *awa*. Antara makna yang diberikan oleh sarjana bahasa Arab bagi kata kerja ini ialah menyertai atau menganggotai<sup>25</sup> dan turun atau singgah<sup>26</sup>. Selain makna turun atau singgah, *Majma' al-Lughat* menambah makna pulang atau berlindung.<sup>27</sup>

---


<sup>24</sup> <https://corpus.quran.com/qurandictionary.jsp?q=Awy>

<sup>25</sup> Ibn Manzur, Muhammad bin Mukrim (1990), *Lisan al-'Arab*. Beirut : Dar Sadir, al-Asfahaniy, Raghib (1997), *Mufradat Fi Gharib al-Quran*, Damsyik: Dar al-Qalam, h.103-104, Abu al-Baqa', Ayyub bin Musa (1998), *al-Kulliyat Mu'jam fi al-Mustalahat wa al-Furuq al-Lughawiyat*, Beirut: Mu'asasat al-Risalat, h.209

<sup>26</sup> al-Jawhariyy, Isma'il bin Hamad (1987), *al-Sihah Taj al-Lughat wa Sihah al-'Arabiyyat*, Beirut: Dar al-'Ilmi li al-Malayin, h.6:2274

<sup>27</sup> *Majma' al-Lughat al-'Arabiyyat* (1989). *al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: Dar al-Da'wat, h.33-34

Manakala Ibn Faris menyatakan bahawa terdapat dua makna bagi *awa* iaitu berkumpul dan takut atau bimbang kepadanya.<sup>28</sup> Namun dalam huraian bagi makna kata kerja tersebut, beliau banyak memberi makna berkumpul berbanding takut atau bimbang. Daripada makna kata kerja ini, Ibn Faris dan al-Jawhariyy menyatakan *ma'wa* sebagai tempat sesuatu berkumpul atau singgah pada waktu malam dan siang.<sup>29</sup> Rajah 3 berikut menyimpulkan makna *ma'wa* sebagai kata nama tempat daripada kata kerja *awa*;



Rajah 2: Makna *awa* dan *ma'wa* menurut sarjana bahasa

<sup>28</sup> Ibn Faris, Abu al-Husin Ahmad (1979), *Mu'jam Maqayis al-Lughat*, Dar al-Fikr, h.1:151

<sup>29</sup> Ibid, h.1:151

al-Jawhariyy, Isma'il bin Hamad (1987), *al-Sihah Taj al-Lughat wa Sihah*, Beirut:Dar al-'Ilmi li al-Malayin, h.6:2274

Daripada makna pelbagai yang diberikan ini, dapat disimpulkan bahawa *ma'wa* ialah tempat yang dihuni oleh sesuatu yang banyak atau ramai kerana mempunyai makna berkumpul. Penghuni *ma'wa* mesti masuk ke dalamnya dan menjadi sebahagian daripada tempat tersebut kerana asal perkataan *ma'wa* mengandungi makna menyertai atau menganggotai.

### 7.1 MA'WA DARI SUDUT PANDANG SARJANA TAFSIR

Dapatan kajian menunjukkan sarjana Tafsir memberi makna *ma'wa* sebagai *makan* (tempat), *manzil* (tempat persinggahan), *marji'* (tempat kembali), *maqarr* (tempat menetap), *maskan* (tempat tinggal), *malja'* (tempat lindungan) dan *haraz* (tempat jagaan). Jadual 1 berikut memperincikan makna *ma'wa* yang diberikan oleh para sarjana Tafsir:

**Jadual 1: Makna Ma'wa Menurut Sarjana Tafsir**

Sarjana Tafsir	Makna <i>Ma'wa</i>	Ciri Tambahan
al-Qurtubiyy	<i>Makan</i> (Tempat) <i>Manzil</i> (Tempat Persinggahan)	siang dan malam
al-Tabariyy & al-Wahidiyy	<i>Marji'</i> (Tempat Kembali)	-
al-Sya'rawiyy	<i>Marji'</i> (Tempat Kembali)	dipaksa kembali dan masuk ke dalamnya
Ibn 'Asyur	<i>Maqarr</i>	setelah selesai urusan

	(Tempat Menetap) <i>Maskan</i> (Tempat Tinggal)	
Ibn ‘Atiyyat	<i>Malja’</i> (tempat perlindungan) <i>Haraz</i> (tempat jagaan)	-
Rasyid	<i>Malja’</i> (tempat perlindungan)	-
al-Maraghiyy	<i>Malja’</i> (tempat perlindungan)	kepenatan, ketakutan dan perlukan keamanan

Berdasarkan Jadual 1 tersebut, didapati al-Qurtubiyy memberi makna umum iaitu tempat dan juga makna yang lebih khusus iaitu tempat persinggahan. Beliau juga mengambil makna yang diberikan oleh al-Jawhariyy iaitu tempat persinggahan seseorang siang dan malam.<sup>30</sup> al-Tabariyy dan al-Wahidiyy pula memberikan makna *ma’wa* sebagai tempat kembali tanpa pencirian tambahan.<sup>31</sup> Manakala al-Sya’rawi pula menambah unsur paksaan dalam makna *ma’wa* iaitu tempat yang penghuninya dipaksa kembali dan masuk ke dalamnya.<sup>32</sup>

<sup>30</sup> al-Qurtubiyy, Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr (1964), *al-Jami’ li*

*Ahkam al-Qur’an*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyat, h.8:231

<sup>31</sup> al-Tabariyy, Muhammad bin Jarir (1997), *Jami’ al-Bayan ‘an Ta’wil Ayi al-Qur’an (Taqrīb wa Tahzīb)*, Damsyik: Dar al-Qalam, h.13:441 al-Wahidiyy, ‘Ali bin Ahmad (1994), *al-Wasit fi Tafsir al-Quran al-Majid*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat, h.2:453

<sup>32</sup> al-Sya’rawiyy, Muhammad Mutawalliy (2010), *Khawatir Imaniyyat*. Kaherah: Dar al-Nur, h.5:2656

Selain makna tempat kembali, *ma'wa* diberikan makna oleh Ibn 'Asyur sebagai tempat menetap atau tinggal. Walaupun makna yang diberikan berbeza, tetapi makna tersebut mengandungi makna kembali. Perkara ini didapati apabila beliau menjelaskan bahawa *ma'wa* ialah tempat menetap atau tinggal yang seseorang itu kembali setelah menyelesaikan urusannya.<sup>33</sup>

Selain tempat kembali, *ma'wa* juga diberi makna *malja'* (tempat perlindungan) oleh Ibn 'Atiyyat, Rasyid dan al-Maraghiyy.<sup>34</sup> Selain tempat perlindungan, Ibn 'Atiyyat juga menambah makna *haraz* iaitu tempat jagaan<sup>35</sup>, manakala al-Maraghiyy pula menambah penjelasan bagi *ma'wa* sebagai *malja'* yang dituju oleh orang yang kepenatan, ketakutan atau memerlukan kepada tempat yang aman.<sup>36</sup>

Berdasarkan makna yang diberikan oleh sarjana tafsir, didapati bahawa perkataan *ma'wa* memberi konotasi yang positif. Daripada

---

<sup>33</sup> Ibn 'Asyur, Muhammad Tahir (1984), *al-Tahrir wa al-Tanwir*, Tunisia: al-Dar al-Tunisiyyat li al-Nasyr, h.30:93

<sup>34</sup> Ibn 'Atiyyat, 'Abd al-Haqq bin Ghalib (2001), *al-Muharrir al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat, h.2:555

Rasyid, Rida Muhammad (1990), *Tafsir al-Manar*. Beirut: al-Haiat al-Misriyyat al-'Ammat li al-Kitab, h. 6:400 al-Maraghiyy, Ahmad Mustafa (1946), *Tafsir al-Maraghiyy*, Kaherah: Maktabat Mustafa, h.11:70.

<sup>35</sup> Ibn 'Atiyyat, 'Abd al-Haqq bin Ghalib (2001), *al-Muharrir al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat, h.2:555

<sup>36</sup> al-Maraghiyy, Ahmad Mustafa (1946), *Tafsir al-Maraghiyy*, Kaherah: Maktabat Mustafa, h.11:70.

makna tersebut, *ma'wa* difahami sebagai tempat yang memberi kerehatan, keamanan dan perlindungan. Hanya makna yang diberi oleh al-Sya'rawiyy yang mengandungi konotasi negatif apabila adanya unsur dipaksa. Makna *ma'wa* yang diberi oleh beliau seperti telah disempitkan kepada konteks neraka. Walau bagaimanapun, semua makna yang diberikan didapati menunjukkan bahawa *ma'wa* ialah satu tempat yang hanya kita akan sampai selepas berusaha atau melalui penderitaan.

Jika dirujuk *ma'wa* sebagai tempat perlindungan, penggunaan perkataan ini dalam konteks neraka memberi makna reversal, keterbalikan atau ironi. Penggunaan ini merupakan satu sindiran daripada Allah Taala kepada pelaku kesalahan seperti syirik. Rasyid mengatakan bahawa sindiran ini mengandungi makna yang sangat teliti dan halus yang menusuk ke dalam jiwa.<sup>37</sup> Ia seolah-olah mengatakan bahawa pada hari akhirat kelak tiada tempat perlindungan atau pelarian bagi pelaku kesalahan kecuali neraka namun tempat tersebut sebenarnya ialah tempat seksaan yang tidak memberi sebarang kerehatan, keamanan mahupun perlindungan.

---

<sup>37</sup>Rasyid, Rida Muhammad (1990), *Tafsir al-Manar*. Beirut: al-Hai'at al-Misriyyat al-'Ammat li al-Kitab, h.10:93



### 5.3 PENGGUNAAN *MA'WA* BERDASARKAN WACANA NERAKA DALAM AL-QURAN

Kajian juga menganalisis kaitan penggunaan *ma'wa* dengan konteks ayat. Kebanyakan pernyataan neraka sebagai *ma'wa* didapati berada dalam wacana surah *Madaniyyat* iaitu sebanyak 11 wacana berbanding dalam surah *Makkiyyat* sebanyak lapan wacana yang meliputi tema keimanan kepada Allah, panduan hidup Mukmin, tugas dakwah dan keimanan



**Rajah 3: Taburan wacana neraka yang mengandungi perkataan *ma'wa* mengikut tema**

kepada hari akhirat. Taburan wacana neraka yang mengandungi perkataan *ma'wa* mengikut tema dijelaskan oleh rajah 4 berikut:

Berdasarkan analisis, didapati bahawa 13 wacana neraka yang menggunakan perkataan *ma'wa* bagi menerangkan neraka sebagai balasan secara ringkas sahaja. Sebagai contoh, firman Allah Taala,

يا أيها النبي جاهد الكفار والمنافقين واغلظ عليهم ومأواهم جهنم  
وبئس المصير ﴿٧٣﴾

*Wahai Nabi, berjihadlah menentang orang-orang kafir dan orang-orang munafik, dan bertindak keras terhadap mereka. Dan (sebenarnya) tempat mereka ialah neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.*

al-Taubah 9:73

Wacana surah al-Taubah 73-74 bertemakan panduan hidup Mukmin. Dalam ayat 73 ini, balasan neraka sebagai *ma'wa* orang Kafir dan Munafik dinyatakan bersama perintah Allah Taala kepada Rasulullah SAW agar memerangi mereka. Pernyataan balasan ini dinyatakan secara ringkas dengan disertai kejian bahawa neraka merupakan seburuk-buruk tempat kembali.

Manakala empat lagi wacana digabungkan antara pernyataan balasan neraka sebagai *ma'wa* dengan keadaan penghuni neraka. Sebagai contoh, firman Allah Taala,

وقال إنما اتخذتم من دون الله أوثانا مودة بينكم في الحياة الدنيا ثم  
يوم القيامة يكفر بعضكم ببعض ويلعن بعضكم بعضا ومأواكم  
النار وما لكم من ناصرين ﴿٢٥﴾

*Dan Nabi Ibrahim berkata pula (kepada kaumnya): "Perbuatan kamu menyembah berbagai berhala, tidak menyembah Allah itu, hanyalah kerana menjaga hubungan kasih mesra di antara kamu masing-masing dalam kehidupan dunia ini; kemudian pada hari kiamat kelak setengah kamu akan membantah setengahnya yang lain, dan setengah kamu pula akan melaknatkan setengahnya yang lain; dan (kesudahannya) tempat kembali kamu ialah neraka, dan kamu tidak akan beroleh sesiapaupun yang dapat memberikan pertolongan".*

Surah al-‘Ankabut 29:25

Ayat 25 surah al-‘Ankabut ini terkandung dalam wacana yang bertemakan tugas dakwah berkaitan peristiwa Nabi Ibrahim dibakar oleh kaumnya. Dalam ayat ini juga Allah Taala menjelaskan keadaan orang yang menyembah berhala yang saling salah-menyalahkan sesama mereka pada hari akhirat. Balasan buat mereka pada ketika itu ialah neraka sebagai *ma’wa* dan tiada orang yang dapat membantu mereka di dalam tempat tersebut.

Hasil analisis juga mendapati, terdapat dua wacana yang menggabungkan antara pernyataan balasan neraka sebagai *ma’wa* dengan seksaan di neraka. Sebagai contoh, firman Allah Taala,

ومن يهد الله فهو المهتد ومن يضلل فلن تجد لهم أولياء من  
دونه ونحشرهم يوم القيامة على وجوههم عميا وبكما وصما  
مأواهم جهنم كلما خبت زدناهم سعيرا ﴿٩٧﴾

*Dan sesiapa yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah maka dia lah yang sebenar-benarnya berjaya mencapai kebahagiaan; dan sesiapa yang disesatkanNya maka engkau tidak sekali-kali akan mendapati bagi mereka, penolong-penolong yang lain daripadaNya. Dan Kami akan himpulkan mereka pada hari kiamat (dengan menyeret mereka masing-masing) atas mukanya, dalam keadaan buta, bisu dan pekak; tempat kediaman mereka: neraka Jahannam; tiap-tiap kali malap julangan apinya, Kami tambah mereka dengan api yang menjulang-julang.*

surah al-Isra' 17:97

Ayat 97 surah al-Isra' ini terkandung dalam wacana yang bertemakan tugas dakwah berkaitan peristiwa penolakan dakwah Rasulullah SAW. Dalam ayat ini juga, Allah Taala menyatakan seksaan bagi orang enggan beriman dengan dakwah baginda dan balasan neraka sebagai *ma'wa*. Mereka pada hari akhirat kelak akan diseret di atas muka mereka dalam keadaan buta, bisu dan pekak ke tempat perhimpunan dan ditempatkan di neraka yang apinya sentiasa marak dan menjulang-julang.

Dari aspek kesalahan, hasil analisis mendapati wacana-wacana yang menggunakan *ma'wa* dalam pernyataan neraka sebagai balasan

merujuk kepada kesalahan berkaitan dengan harta dan dunia. Sebagai contoh, firman Allah Taala;

إن الذين لا يرجون لقاءنا ورضوا بالحياة الدنيا واطمأنوا بها والذين هم عن آياتنا غافلون ﴿٧﴾ أولئك مأواهم النار بما كانوا يكسبون ﴿٨﴾

*Sesungguhnya orang-orang yang tidak menaruh ingatan akan menemui Kami (pada hari akhirat untuk menerima balasan), dan yang reda (berpuashati) dengan kehidupan dunia semata-mata serta merasa tenang tenteram dengannya, dan orang-orang yang tidak mengendahkan ayat-ayat (keterangan dan tanda-tanda kekuasaan) Kami,*

-Yunus 10:7-8

Wacana surah Yunus yang bertemakan keimanan kepada Allah Taala ini menerangkan keengganan manusia beriman kepada-Nya dan mengabaikan bukti keesaan Allah Taala. Punca kepada keengganan ini telah diterangkan dalam ayat 7 iaitu adalah kerana terpedaya dengan kehidupan di dunia. Mereka yang melakukan kesalahan ini akan kembali ke neraka sebagai *ma'wa*.

Terdapat wacana lain dalam surah al-Nazi'at menegaskan perkara yang sama. Firman Allah Taala;

فإذا جاءت الطامة الكبرى ﴿٣٤﴾ يوم يتذكر الإنسان ما سعى  
﴿٣٥﴾ وبرزت الجحيم لمن يرى ﴿٣٦﴾ فأما من طغى ﴿٣٧﴾  
وآثر الحياة الدنيا ﴿٣٨﴾ فإن الجحيم هي المأوى ﴿٣٩﴾

*Maka apabila datang hari yang bencananya amat besar, -Iaitu hari manusia akan mengingati apa yang telah diusahakannya, -Dan neraka diperlihatkan kepada sesiapa sahaja yang dapat melihatnya, Maka (dapatlah masing-masing mengetahui kesudahannya); adapun orang yang melampau (perbuatan derhaknya), -Serta ia mengutamakan kehidupan dunia semata-mata, -Maka sesungguhnya neraka Jahanamlah tempat kediamannya.*

al-Nazi‘at 79:34-36

Dalam wacana surah al-Nazi‘at yang bertemakan keimanan kepada hari akhirat ini, Allah Taala menjelaskan ciri orang yang melampaui batas iaitu kufur dengan mengutamakan kehidupan di dunia. Orang-orang yang *tagha* ini *ma’wa* mereka di akhirat kelak ialah neraka.

Neraka sebagai *ma’wa* juga tidak terhad kepada orang Kafir, Musyrik atau Munafik sahaja bahkan orang Muslim yang melanggar perintah Allah Taala dijanjikan dengan balasan yang sama. Sebagai contoh Firman Allah Taala;

وما كان لنبي أن يغفل ومن يغفل يأت بما غل يوم القيامة ثم توفى  
كل نفس ما كسبت وهم لا يظلمون ﴿١٦١﴾ أفمن اتبع رضوان  
الله كمن باء بسخط من الله ومأواه جهنم وبئس المصير ﴿١٦٢﴾

*Dan tiadalah patut bagi seseorang Nabi itu (disangkakan) berkhianat (menggelapkan harta rampasan perang), dan sesiapa yang berkhianat (menggelapkan sesuatu), ia akan bawa bersama pada hari kiamat kelak apa yang dikhianatinya itu; kemudian tiap-tiap seorang akan disempurnakan (balasan bagi) apa yang telah diusahakannya, sedang mereka tidak akan dikurangkan sedikitpun (balasannya). Adakah orang yang menurut keredaan Allah itu sama seperti orang yang kesudahannya mendapat kemurkaan dari Allah? Sedang tempat kembalinya ialah neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.*

Ali 'Imran 3:161-162

Wacana surah Ali 'Imran 161-162 ini bertemakan tugas dakwah yang berkaitan dengan harta rampasan perang dalam peristiwa perang Badar dan tuduhan khianat dalam harta tersebut yang dikeluarkan oleh orang Munafik terhadap Rasulullah SAW<sup>38</sup>. Allah Taala juga menyatakan neraka sebagai *ma'wa* orang yang mendapat kemurkaan-Nya sama ada

---

<sup>38</sup> al-Zuhayliyy (1991), *al-Tafsir al-Munir fi al-Akidat wa al-Syari'at wa al-Manhaj*, Beirut: Dar al-Fikr 4/144

disebabkan kekufuran, perbuatan khianat terhadap harta rampasan perang atau berpaling daripada Rasulullah SAW dalam peperangan.<sup>39</sup>

Begitu juga dalam wacana surah al-Nisa' 97-100 yang bertemakan panduan hidup mukmin, dinyatakan bahawa orang Muslim yang tidak turut berhijrah ke Madinah tanpa keuzuran akan berada di neraka sebagai *ma'wa* mereka di akhirat. Firman Allah Taala;

إن الذين توفاهم الملائكة ظالمي أنفسهم قالوا فيم كنتم قالوا كنا مستضعفين في الأرض قالوا ألم تكن أرض الله واسعة فتهاجروا فيها فأولئك مأواهم جهنم وساءت مصيرا ﴿٩٧﴾

*Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik), mereka ditanya oleh malaikat dengan berkata: "Apakah yang kamu telah lakukan mengenai ugama kamu?" Mereka menjawab: "Kami dahulu adalah orang-orang yang tertindas di bumi". Malaikat bertanya lagi: "Tidakkah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah dengan bebas padanya?" Maka orang-orang yang sedemikian itu keadaannya, tempat akhir mereka ialah neraka jahanam, dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.*

al-Nisa' 4:97

<sup>39</sup> ibid 4/151



Ayat 97 surah al-Nisa' ini berkaitan orang Muslim yang enggan berhijrah ke Madinah kerana sayang akan kampung halaman mereka.<sup>40</sup> Golongan ini terpaksa menyembunyikan keislaman mereka dan dipaksa keluar berperang bersama Musyrikin Mekah menentang saudara seagama mereka yang telah berhijrah ke Madinah. Alasan golongan ini sebagai orang yang tertindas tidak diterima dan dijanjikan neraka sebagai *ma'wa* mereka di akhirat kelak.<sup>41</sup>

Al-Quran menegaskan lagi kerugian orang yang mendapat neraka sebagai *ma'wa* apabila sepuluh daripada pernyataan tersebut dihuraikan menggunakan gaya bahasa *dham* (kejian). Sebagai contoh firman Allah Taala dalam ayat 197 surah Ali Imran;

متاع قليل ثم مأواهم جهنم ۝ وبئس المهاد ﴿١٩٧﴾

*(Semuanya) itu hanyalah kesenangan yang sedikit, (akhirnya akan lenyap), kemudian tempat kembali mereka neraka Jahannam: dan itulah seburuk-buruk tempat ketetapan.*

surah Ali Imran 3:197

---

<sup>40</sup>al-Maraghiyy, Ahmad Mustafa (1946), *Tafsir al-Maraghiyy*, Kaherah: Maktabat Mustafa, h.5:131

<sup>41</sup> Ibn Kathir (1994), *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Damsyik: Maktabat Dar al-Fayha', h.2:388

Ayat 197 surah Ali Imran ini berkaitan dengan ayat sebelumnya yang mengingatkan Rasulullah SAW dan orang Mukmin agar tidak terpedaya dengan kemewahan dan kehebatan orang Kafir di dunia. Kemewahan tersebut hanyalah sedikit dan sementara kerana *ma'wa* mereka pada hari akhirat kelak ialah neraka. Pernyataan neraka sebagai *ma'wa* orang Kafir dihuraikan lagi dengan kejian menggunakan kata kerja *bi'sa* iaitu seburuk-buruk tempat berehat.

Kesimpulannya, perkataan *ma'wa* dalam wacana neraka dalam al-Quran digunakan dalam konteks yang berkaitan dengan kecintaan manusia terhadap harta dan dunia. Golongan ini berusaha dan berpenat-lelah di dunia untuk mengumpul harta dan kemewahan seolah-olah kehidupan ini akan kekal selamanya. Manusia yang terpedaya dengan kehidupan di dunia sehingga tidak beriman atau melanggar perintah-Nya menganggap dunia tempat mereka berehat dan melepaskan lelah, serta mendapat perlindungan dan ketenangan. Namun begitu, *ma'wa* sebenar mereka di akhirat ialah neraka; kerehatan dan keamanan yang diharapkan menjadi sebaliknya.

## 6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, makna asal *ma'wa* ialah tempat kembali atau tempat yang dituju yang mempunyai unsur kerehatan kerana telah selesai sesuatu urusan. *Ma'wa* juga merupakan tempat yang memberi ketenangan dan

keamanan daripada ketakutan kerana diharapkan menjadi perlindungan. Namun penggunaan perkataan *ma'wa* dalam konteks neraka bertentangan dengan makna asal perkataan tersebut. Ini kerana neraka sebagai tempat seksaan tidak memberi kerehatan walaupun sesaat kepada penghuninya apatah lagi menjadi tempat perlindungan yang menjanjikan ketenangan. Firman Allah Taala;

لا بارد ولا كريم ﴿٤٤﴾

*Yang tidak sejuk, dan tidak pula memberi kesenangan.*  
surah al-Waqi'ah 56:44

Penggunaan perkataan *ma'wa* yang bertentangan dengan maksud asal dalam konteks neraka merupakan satu sindiran Allah Taala kepada manusia yang memilih untuk mengutamakan dunia seolah-olah mereka kekal di sana. Sindiran ini menimbulkan rasa kehampaan yang mendalam dalam diri manusia yang ingkar kerana mereka telah bersusah dan berpenat-lelah di dunia dan mengharap tempat yang memberi kerehatan dan keamanan namun mendapat hasil yang sebaliknya.

Al-Quran menggunakan setiap aspek bahasa bagi mencapai matlamat dalam setiap wacana. Selain pencitraan, pemilihan perkataan seperti *ma'wa* juga mampu menimbulkan rasa gerun dan takut sekiranya mendapat balasan neraka pada hari akhirat kelak. Kajian ini menambah lagi bukti keunikan bahasa al-Quran dan ketelitiannya sesuai dengan kedudukannya sebagai linguistik Rabbani yang mempunyai ciri-ciri

ketahanan, keseimbangan dan kesesuaiannya untuk diterapkan dalam apa-apa kajian tentang bahasa manusia.<sup>42</sup>

## **7.0 IMPLIKASI KAJIAN**

Hasil dapatan kajian ini memberi kesedaran tentang kepentingan mentadabbur ayat-ayat al-Quran dan memahami makna setiap perkataan serta perkaitannya dengan konteks ayat. Bagi mentadabbur ayat-ayat ini, tidak cukup dengan hanya berpandukan terjemahan al-Quran kerana terjemahan tersebut hanya memberi kefahaman umum kepada pembaca. Dengan hanya membaca terjemahan al-Quran, masyarakat tidak dapat merasai keindahan al-Quran dan mengetahui rahsia di sebalik pemilihan perkataan atau gaya bahasa yang digunakan.

Kajian juga mencadangkan pihak yang terlibat dengan penghasilan terjemahan agar menggunakan pendekatan terjemahan tertentu seperti parentesis atau nota kaki sebagaimana yang dicadangkan oleh Muhammad Luqman sebagai penjelasan tambahan.<sup>43</sup> Penjelasan tambahan ini penting kerana setiap perkataan yang digunakan dalam al-Quran mempunyai ketelitian makna yang tersendiri.

---

<sup>42</sup> Munif, Zarirruddin.F. (2015). *Dimensi Bahasa Dalam Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.3

<sup>43</sup> Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad dll (2023), *Klasifikasi Semantik dan Jenis Permasalahan dalam Penterjemahan Eufemisme al-Quran ke Bahasa Melayu*, The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)(10.1), h.10.

## RUJUKAN

al-Quran al-Karim

Abu al-Baqa', Ayyub bin Musa. (1998). *al-Kulliyat Mu'jam fi al-Mustalahat wa al-Furuq al-Lughawiyyat*. Beirut: Mu'asasat al-Risalat

Ahmad 'Umar Mukhtar(1998), *'Ilm al-Dilalat*, Kaherah: 'Alim al-Kutub  
al-Asfahaniyy, Raghīb (1997). *Mufradat Fi Gharib al-Quran*. Damsyik:  
Dar al-Qalam.

al-Jawhariyy, Ismail bin Hamad. (1987). *al-Sihah Taj al-Lughat wa Sihah al-'Arabiyyat*. Beirut: Dar al-'Ilmi li al-Malayan

al-Maraghiyy, Ahmad Mustafa. (1946). *Tafsir al-Maraghiy*. Kaherah:  
Maktabat Mustafa

al-Munajjid, Muhammad Nur al-Din (1997), *al-Taraduf fi al-Quran al-Karim*, Damsyik: Dar al-Fikr

al-Qurtubiyy, Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr. (1964). *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyat

al-Sya'rawiyy, Muhammad Mutawalliyy. (2010). *Khawatir Imaniyyat*. Kaherah: Dar al-Nur.

al-Tabariyy, Muhammad bin Jarir. (1997). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Quran (Taqrib wa Tahzib)*. Damsyik: Dar al-Qalam.

al-Wahidiyy, 'Ali bin Ahmad. (1994). *al-Wasit fi Tafsir al-Quran al-Majid*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.

al-Zuhayliyy, Wahbat. (1991). *al-Tafsir al-Munir*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Dewi Umi Hanifah (2023), *Pentingnya Memahami Makna, Jenis-jenis Makna dan Perubahannya*, Surakarta: Ihtimam Jurnal Pendidikan Bahasa Arab 6 (1), 157-171. Diperoleh pada Mac 28, 2024 daripada <https://journal.staimsyk.ac.id/index.php/ihtimam/article/view/483>
- Dukes, Kais. (2013), *Statistical parsing by machine learning from a classical Arabic treebank*, University of Leeds: School Of Computing. ). Diperoleh pada Mac 31, 2024 daripada <https://arxiv.org/abs/1510.07193>
- Dukes, Kais, Eric Atwell, and Nizar Habash. (2013), *Supervised collaboration for syntactic annotation of Quranic Arabic*. Language resources and evaluation 47, 33-62 . Diperoleh pada Mac 31, 2024 daripada <https://eprints.whiterose.ac.uk/81650/1/S>
- Habannakah, ‘Abd al-Rahman. (1980). *Qawa‘id al-Tadabbur al-Amthal li Kitab Allah ‘Azza wa Jalla. Ta‘ammulat*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Ibn ‘Asyur, Muhammad Tahir. (1984). *al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: al-Dar al-Tunisiyyat li al-Nasyr.
- Ibn ‘Atiyyat, ‘Abd al-Haqq bin Ghalib. (2001). *al-Muharrir al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-‘Aziz*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat
- Ibn Kathir, Isma‘il bin ‘Umar. (1994). *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Damsyik: Maktabat Dar al-Fayha’.
- Ibn Faris, Abu al-Husin Ahmad. (1979). *Mu‘jam Maqayis al-Lughat*. t.t : Dar al-Fikr

- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukrim. (1990). *Lisan al-‘Arab*. Beirut : Dar Sadir.
- Majma‘ al-Lughat al-‘Arabiyyat. (1989). *al-Mu‘jam al-Wasit*. Istanbul: Dar al-Da‘wat.
- Mansur Abu Zaynat. (2013). *al-Tafsir al-Munir li al-Zuhaylyy-Dirasat wa Taqwim*. Majallat Jami‘at al-Najah li al-Abhath al-Insaniyyat, 2044-2076. Diperoleh pada Mac 29, 2024 daripada [https://journals.najah.edu/media/journals/full\\_texts/2\\_8.pdf](https://journals.najah.edu/media/journals/full_texts/2_8.pdf)
- Mat Taib, Pa. (2012). *Pemilihan Perkataan dan Struktur Morfologi dalam Surah al-Fatihah*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad dll (2023), *Klasifikasi Semantik dan Jenis Permasalahan dalam Penterjemahan Eufemisme al-Quran ke Bahasa Melayu*, The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS) (10.1), 1-13. Diperoleh pada Mac 29, 2024 daripada <https://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/231>
- Munif, Zarirruddin.F. (2015). *Dimensi Bahasa Dalam Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasimah Abdullah, Saifulah Samsudin & Nor Fatimah Suliman (2021), *Masalah Semantik dalam terjemahan Majāz Mursal al-Quran: analisis terhadap hubungan musabbab*, Bangi: Al- Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary (6.1), 508- 522 Diperoleh pada Mac 29, 2024 daripada <https://al-irsyad.kuisjournal.com/index.php/alirsyad/article/view/145>
- Rasyid, Rida Muhammad. (1990). *Tafsir al-Manar*. Beirut: al-Hai‘at al-Misriyyat al-‘Ammat li al-Kitab

Safiyat Darrajiy. (2016). *Talaqqi al-Khitab al-Qurani fi Daw' 'Ilm al-Lughat al-Nass Juz' Tabaraka wa Juz' 'Amma Anmuzajan*. Algeria: Jami'at Muhammad al-Amin Dabaghin - Setif 2. Diperoleh pada Mac 31, 2024 daripada <https://www.asjp.cerist.dz/en/downArticle/132/4/1/67841>

Sayyid Qutb. (2006). *Masyahid al-Qiyamat Fi al-Quran*. Kaherah: Dar al-Syuruq

Syawqi Hamadat (2000), *Mu'jam 'Aja'ib al-Lughat*, Beirut: Dar Sadir

Uhlusul Qomariyah & Moh. Jufriyadi Sholeh (2023), *Analisis Semantik Kata 'Abid Dan 'Ibad Dalam Al-Qur'an*, Sumenep: El-Waroqoh Jurnal Ushuluddin dan Filsafat (7.2), 236-258. Diperoleh pada Mac 29, 2024 daripada <https://www.ejournal.idia.ac.id/index.php/el-warqoh/article/view/1542>

## **RUJUKAN DALAM TALIAN**

<https://corpus.quran.com/qurandictionary.jsp?q=Awy>

<https://tanzil.net/>